

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]

SOALAN NO. 374

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah perbelanjaan tahunan Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC) sepanjang 10 tahun yang lalu. Apakah strategi Kementerian untuk memastikan Malaysia mendapat tenaga diperbaharui yang murah dan kos efisien untuk dekad yang mendatang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC) merupakan sebuah syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 7 Januari 2011. Sejak penubuhan MNPC hingga Oktober 2018, anggaran perbelanjaan MNPC adalah sebanyak RM72 juta.
2. Bagi memastikan Malaysia mendapat Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang murah dan kos efisien, Kerajaan pada tahun 2016 telah mula melaksanakan proses bidaan terbuka bagi pembangunan projek-projek TBB bertujuan untuk mendapatkan kadar tarif yang paling kompetitif. Mekanisme ini akan memastikan negara dan rakyat mendapat manfaat yang optimum melalui pembangunan projek-projek TBB. Sekian, terima kasih.